

---

**MEDIA CLIPPING**

<b>Client :</b>	<b>Heng Huat Resources Group Berhad</b>	<b>Date :</b>	<b>30 June 2014</b>
<b>Media :</b>	<b>Bernama Newswire</b>	<b>Section :</b>	<b>Business</b>
<b>Language :</b>	<b>Malay</b>		

**“Heng Huat To Set Up Subsidiary In China”**

**HENG HUAT MAHU TUBUH ANAK SYARIKAT DI CHINA**

GEORGE TOWN, 30 Jun (Bernama) -- Heng Huat Resources Group Bhd, pengilang bersepadu produk biojisim minyak dan sawit di Malaysia, merancang mengukuhkan rangkaianannya di China dengan menubuhkan anak syarikat untuk memenuhi permintaan ke atas serat tandan kosong (EFB) yang semakin meningkat di negara itu.

Pengasas Bersama merangkap Pengarah Urusannya H'ng Choon Seng berkata masanya sudah tiba untuk kumpulan itu meluaskan jangkauannya dengan memasukkan China dalam strategi peluasannya.

Beliau berkata eksport kumpulan itu ke China, berupa serat EFB, berlipat ganda sejak beberapa tahun lalu, daripada RM18.7 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2014 kepada RM40.7 juta tahun lepas.

"Menerusi rancangan penubuhan anak syarikat di China, kami berharap bukan saja dapat mengukuhkan rangkaian kami dalam kalangan pengguna China, malah menjangkau jauh ke depan daripada hala tuju pasaran sedang kami mengisi keperluan inovasi kami bagi memenuhi permintaan pasaran," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa China, kumpulan itu merancang menubuhkan anak syarikat di wilayah selatan China pada suku pertama 2015.

Ditubuhkan pada 1997, Heng Huat kini mempunyai tiga kilang pemprosesan biojisim kelapa sawit, masing-masing di Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan.

Terdahulu, kumpulan itu melancarkan prospektus tawaran awam permulaan (IPO) sempena penyenaaraiannya di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd pada 25 Julai.

"Kami merancang mengumpul RM20.93 juta, dengan RM4 juta digunakan sebagai perbelanjaan modal, RM4.55 juta untuk modal kerja, RM9.38 juta bagi pembayaran pinjaman bank dan bakinya membayar perbelanjaan penyenaaraan," katanya.

Heng Huat menerbitkan 46.5 juta saham biasa baharu RM0.10 setiap satu dengan tawaran penjualan 14.66 juta sedia ada pada harga terbitan RM0.45 sesaham. Daripada 46.5 juta saham awam baharu itu, tujuh juta adalah untuk orang ramai, manakala lima juta saham diperuntukkan kepada pekerja yang layak dan mereka yang memberi sumbangan kepada kejayaan kumpulan itu.

-- BERNAMA